

Pendidikan:

Pendidikan Rohani Asas Masyarakat

“.... umat yang beriman itu setelah berjuang terus-menerus dan berjaya merebut kemerdekaannya telah mulai mengenal akan hak pendidikan rohani yang sebenarnya, dan telah menjadikan pendidikan akhlak itu pada tempat yang selayaknya, lalu menanamkan perasaan beragama di dalam jiwa murid-murid melalui pelajaran sekolah, ibadah, contoh-contoh tauladan dan latihan.”

Demikian kata faḍilah al-Ustaz al-Sheikh Ahmad al-Sharabasi, Mesir dalam makalahnya yang kita terjemahkan seperti berikut:

Orang-orang yang berakal telah berkata bahawa manusia berhajat kepada pendidikan dalam kehidupannya, supaya nyata kemanusiaannya dan dapat menunaikan tugasnya.

Pendidikan itu pula banyak jenisnya. Di antaranya: pendidikan jasmani, pendidikan akal, dan pendidikan rohani.

Bila menyebut pendidikan rohani maka tersebutlah pula “roh”, sedang roh itu ialah asal yang menyebabkan manusia itu hidup. Roh juga satu benda yang kita tidak kenal hakikatnya dan zat bendanya.

Kenanglah apa yang tersebut di dalam al-Qur’an al-Karim:

“Wa yas’alūnaka ‘āni al-rūḥi quli al-rūhu min amri rabbī wa ma ūtītum mina al-‘ilmi illā qalīla”¹

Ertinya: “Mereka bertanya kepadamu tentang roh, katakanlah: Bahawa roh itu dari urusan Tuhanku, sedang kamu tidak diberi ilmu melainkan sedikit jua.”

tetapi kalimah “roh” dengan penggunaan am telah mendapat satu alamat baharu yang bertentangan dengan benda. Jelasnya, apa yang berhubung dengan badan dan benda-benda yang nyata dinamakan “benda”, dan yang termasuk dalam lingkungan perkara-perkara yang hanya wujud pada makna dan perasaan dinamakan “roh” atau “rohani”.

Oleh itu pendidikan rohani yang kita maksudkan ialah pendidikan yang dijalankan untuk membersihkan hati, membentuk jiwa, menghiasi diri dengan akhlak-akhlak yang terpuji, menjauhi perkara-perkara yang buruk yang tidak layak bagi orang yang baik asal-usulnya, berasa bangga dengan perkara-perkara yang mulia dan perasaan yang suci. Dan inilah dia tujuan pendidikan agama yang sebenarnya.

Setengah orang tidak mengerti ketika ia menentukan pendidikan rohani hanya mengenai segi ibadah menurut pengertian biasa, sedang pendidikan agama ini terbuka luas lapangannya sehingga meliputi segala apa

jua yang membawa manusia meningkat tinggi dalam perasaannya dan akhlaknya. Dengan demikian, beriman kepada Allah Maha Pencipta, dengan merasai kebesaran, keindahan dan kesempurnaannya, ialah sejenis dari pendidikan rohani. Begitu juga, beribadat dengan apa yang dibawa oleh agama pegangan kita ialah sejenis dari pendidikan rohani. Mencintai kebaikan dan membenci kepada kejahatan ialah sejenis dari pendidikan rohani. Demikian pula, rasa sedar akan peribadi sendiri yang disertakan dengan perasaan hati dan menyatukan diri dalam peribadi masyarakat ialah juga dari pendidikan rohani. Demikian pula halnya mencintai watan, menaruh cemburu terhadapnya, dan tampil membelanya ialah juga dari pendidikan rohani.

Demikianlah, bolehlah kita berkata: bahawa apa yang menjadi lawan bagi pendidikan jasmani ialah pendidikan rohani, meskipun yang sangat besar kesannya dalam pendidikan

¹ Surah al-Isra: 85

rohani ialah perasaan jiwa dan hati. Agama itu sudah tentu lebih kuat dalam pengarahannya dari lain-lain perkara yang menimbulkan kesan. Kerana orang yang beriman beriktikad dan yakin bahawa agama Islam itu ialah pertunjuk yang datangnya daripada Allah ‘Azza wa Jalla, yang harus Ia (tuhan) bersifat kekurangan atau lalai atau lupa, yang menjadikan segala benda dan segala makhluk yang hidup, yang amat mengetahui akan kebaikan benda-benda dan makhluk-makhluk itu dan kejahatannya, dan mengetahui akan apa yang mendatangkan bahaya kepada mereka dan apa yang membahagiakannya. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah ‘Azza wa Jalla di dalam al-Qur’ān al-Karim:

“*Alā ya ‘lam man khalaq wahuwa al-latifu al-khabīr*”

Ertinya: “Tidaklah Tuhan yang menjadikan itu mengetahui, pada hal Dialah yang amat mengasihani lagi amat mengetahui.”

Ini ialah yang berhubung dengan penentuan maksud tentang pendidikan rohani yang mesti bagi tiap-tiap seorang, kerana tiap-tiap seorang manusia terbentuk dari benda iaitu tubuhnya, dan roh iaitu kumpulan kekuatannya yang secara maknawi dan secara perasaan dan semangat. Jadi, apa pula perhubungan pendidikan ini dengan masyarakat yang kita menghendaki supaya binaannya sempurna dan kuat?

Masyarakat itu ialah binaan yang terdiri dari batu bata iaitulah orang-orang perseorangan. Perhubungannya yang kuat adalah nyata di antara kedua belah pihak. Di mana sahaja wujudnya

masyarakat, wujudlah besertanya orang-orang perseorangan. Di mana pula wujudnya orang-orang perseorangan maka terbantulah masyarakat daripada mereka. Sebagaimana pula kesan-kesan pengaruh mempengaruhi terdapat di antara orang-orang perseorangan dan masyarakat. Apabila orang-orang perseorangan meningkat maju dengan akal, hati, perasaan dan tujuan mereka, akan meningkatlah pula masyarakat dan tinggilah ia. Demikian pula sebaliknya. Apabila masyarakat itu bersih dan mulia maka kesannya adalah baik kepada orang-orang perseorangannya, dan apakala masyarakat ditimpa kejahatan atau terpesong maka buruklah pula kesannya, kepada orang-orang perseorangan. Jelasnya, orang perseorangan itu terikat kepada masyarakat, dan masyarakat itu pula terikat kepada orang perseorangan.

Pendeknya, kita sangat-sangat berkehendak kepada menyediakan orang-orang perseorangan dengan persediaan yang baik, yang terdiri daripada mereka batu bata yang sempurna dan kuat, yang berikat dan bertolong bantu, sehingga mereka menjadi binaan yang besar ini iaitu masyarakat. Seseorang itu tidak akan dapat merasa dengan sebenar-benarnya dan mendalam akan pengertian jaminan dan bertolong bantu serta bertukar-tukaran dengan perkara-perkara yang baik melainkan apabila ada kekuatan rohani yang menguasai, yang akan menguasai, mengarah dan memimpinya. Kekuatan rohani yang utama sekali ialah terdiri di atas iman yang benar lagi teguh kepada Allah ‘Azza wa Jalla yang menjadikan seluruh alam dan amat berkuasa atas segala-galanya.

Allah ‘Azza wa Jalla yang terbentang

kekuasaannya di dalam al-Qur’ān al-Karim:

“*Alladhī khalaqānī fahuwa yaḥdīn. Walladhī huwa yuṭ‘imunī wayasqīn. Waidhā marīḍtu fahuwa yashfīn. Walladhī yumītunī thumma yuhyīn*”²

Ertinya: “Allah ‘Azza wa Jalla yang telah menjadikan aku lalu ia memberi pertunjuk kepadaku. Dan yang Dialah memberiku makan dan memberiku minum. Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan daku. Dan Ia yang akan mematikan daku, kemudian menghidupkan daku.”

Oleh itu ahli-ahli pendidikan menetapkan bahawa asas yang utama dalam pendidikan rohani ialah iman, keagamaan, kerana iman ialah satu kekuatan yang menakjubkan dan indah, yang menjadikan orang yang beriman sentiasa merasai bahawa ia tidak berpada dengan tenaganya yang terhad dalam segala gerak langkahnya tetapi ia berhubung terus dengan kuasa ghaib yang besar itu, yang tidak terhad kekuasaannya. Apabila seseorang itu sedar akan yang demikian, terasalah ia bahawa di belakangnya ada bantuan yang bukan kecil, dan bahawa ia mempunyai benteng yang amat kukuh. Dengan itu timbullah di dalam dirinya perasaan tenteram dari satu segi, kekuatan dari segi kedua, tekun dari segi ketiga, harapan rahmat dari segi keempat, dan gerunkan siksa dari segi kelima. Maka dengan itu tegaklah Dia di atas jalan yang lurus.

Al-Qur’ān al-Karim menjelaskan kepada kita, bahawa orang-orang yang beriman, apakala mereka menghadapkan muka dan hati mereka kepada Allah ‘Azza wa Jalla yang menjadikan mereka, adalah mereka berlindung kepada benteng yang kebal yang

² Surah al-Shu‘arā:78-80

tertinggi, dan berpegang tali yang amat teguh yang tidak akan putus. Mereka mendengar akan perintah Tuhan mereka lalu mereka taat menaikannya. Mereka bermohon kepada-Nya dan meminta pertolongan-Nya. Mereka berharap kepada pertunjuk-Nya dan taufik-Nya. Dan keampunan-Nya akan dosa-dosa mereka, serta kemenangan terhadap seteru-seteru yang derhaka:

“Āmana al-rasūlu bimā unzila ilayhi min rabbihī wal mu’minūna kullun āmana bi Allāhi wa malāikatihī wa kutubihī wa rasulihī, lā yufarriqu bayna ahadin min rusulihī, waqālū sami’na wa aṭa’na, ghufṛānaka rabbana wa ilayka al-maṣīr”

“La yukallifū Allāhu nafsan illa wus’aha lahā mā kasabat wa’alayha ma’ktasabat, rabbana lā tu’ākhidhnā in nasīna aw akhta’na rabbana wa lā taḥmil’alaynā iṣṣan kama hamaltahu’ala al-ladhīna min qablina, rabbana wa la tuhammilna mā lā iṭqata lana bihi, wa’fu’anna waḡfir lanā warhamnā, ānta mawlāna fanṣurnā ‘alā al-qawmi al-kāfirīn”³

Ertinya: “Rasul itu beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan demikian juga orang-orang yang beriman. Tiap-tiap seorang daripada mereka beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan Rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata): “Kami tidak membezakan antara seorang (dengan yang lain) daripada rasul-rasul-Nya.” Dan mereka berkata: “Kami dengar dan kami taat. (Kami minta) keampunan-Mu, Ya Tuhan kami, dan kepada-Mu jua tempat kembali.”

“Allah tidak memberati seseorang melainkan sekadar yang terpikul olehnya. Baginya pahala apa yang ada usahakan, dan atas-Nya seksa kerana apa yang

dusahakan.” (Mereka berkata) “Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau seksakan kami jika kami terlupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami! dan janganlah Engkau pikulkan atas kami seksa sebagaimana Engkau pikulkan di atas orang-orang yang dahulu daripada kami. Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan atas kami apa yang tak terdaya kami mengerjakannya, dan maafkanlah kami, serta rahmatkanlah kami. Engkaulah penolong kami, oleh itu menangkanlah kami atas kaum yang kafir.”

Beriman kepada Allah ‘Azza wa Jalla dan kepada ketetapan pahala dan seksa, itulah yang telah mendesak orang yang beriman itu dengan desakan yang kuat untuk menuntut ketinggian rohani, dan menentang perkara-perkara yang menghalanginya. Oleh itu kedatangan orang yang beriman itu bersungguh-sungguh kepada mensucikan jiwanya, membersihkan dirinya, dan membina kehidupannya dengan amal usahanya yang baik. Tiap-tiap kali datang iblis hendak merasuknya, atau hendak memesongkannya dari jalan yang lurus maka orang yang beriman itu akan segera menentangnya, dan akan berkekal menentangnya, sehingga perjuangannya itu akan berakhir dengan kekalahan iblis yang terkutuk.

Abdullah bin Mas’ud berkata: “Syaitan (yang menjadi pengasut bagi) orang yang beriman ialah: syaitan yang lemah.” Yakni tidak terdaya menjalankan hasutannya, kerana orang yang beriman itu terus menerus menentangnya dengan azamnya dan kekuatan jiwanya.

Qais bin al-Hajjaz, (seorang ahli ibadat yang kuat berjihad melawan

hawa nafsu dan godaan iblis), berkata:

Syaitan berkata kepadaku.” Aku telah masuk padamu sedang aku seperti seekor unta (besarnya), lalu aku sekarang menjadi (kecil) seperti seekor burung pipit.” Aku pun bertanya kepadanya: Mengapa boleh jadi demikian? Jawabnya: “Engkau hancurkan aku dengan sebutan nama Allah!”

Sebutan nama (zikir Allah) di sini, bukanlah maksudnya hanya menyebut akan nama-Nya dengan lidah sahaja, bahkan makna-Nya ialah beriman kepada-Nya. Orang yang beriman kepada Allah sudah tentu akan berkekal menyebut nama-Nya. Demikian juga maksudnya ialah seseorang itu tertuntut berjaga-jaga mengingat Allah dalam amal perbuatannya, dan meminta bantuan Allah dalam kehidupannya, serta mengingati kebesarannya (dan menaruh perasaan takut melanggar perintahnya) dalam masa ia berkata-kata dan bekerja, dalam masa bergerak dan diam. Dengan jalan itu, akan tercapailah ia akan martabat “ihsan” yang menjadi martabat penyudah bagi iman, dan yang telah dijelaskan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* dengan sabdanya:

“Al-iḥsānu anta’būka Allāha ka’annaka tarāhu fain lam takun tarahu fa’innahu yaraka.”⁴

Ertinya: “Ihsan itu ialah hendaklah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya. Jika engkau tidak melihat-Nya, maka Ia melihat akanmu.”

Ihsan itu juga telah dijelaskan oleh Allah Ta’ālā dengan firman-Nya:

³ Surah al-Baqarah: 285

⁴ Hadith no. 2 daripada Hadith 40 Imam al-Nawawi

“*Wa al-ladhīna jāhadū fīnā lanahdī yannahum subulanā wa inna Allāha lama ‘a al-muhsinīn.*”⁵

Ertinya: “Dan orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam meninggikan agama Kami, sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Pendidikan dalam masyarakat Islam adalah berdiri di atas asas kerohanian yang bercabang daripadanya beberapa cabang yang berhubung dengan kehidupan, kebendaan, iktisad dan pembangunan, dan lain-lain lagi dari segi-segi masyarakat.

Pendidikan yang sedemikian ini berjalan dalam zaman-zaman Islam yang cemerlang dahulu, dengan sederhana. Pendi- pendidik pada zaman itu tidak melampaui dalam lapangan-lapangan kerohanian sehingga menjadikan mereka ibarat bayang-bayang yang tidak dapat memberikan apa-apa, kerana Islam tidak mengenal perbuatan membuang dunia dan segala kenikmatannya. Tidak juga mereka melampaui dalam lapangan kebendaan sehingga mereka menjadi ibarat haiwan yang hanya mementingkan memenuhi perut dan bersedap-sedap dengan benda-benda yang lazat dan memuaskan nafsu syahwat. Cara yang demikian ini ialah tingkah laku kaum kafir yang mementingkan kebendaan dan yang tenggelam ke lembah yang kotor. Mereka telah disifatkan oleh Allah Ta‘ālā di dalam al-Qur’ān:

“*Wa al-ladhīna kafarū yatamatta ‘ūna waya ‘kulūna kamā ta ‘kulu al-an ‘āmu wa al-naru mathwan lahum.*”⁶

Ertinya: “Dan orang-orang kafir itu bersenang-senang dan makan seperti binatang-binatang makan sedang neraka adalah tempat tinggal mereka.”

kita boleh mengenal akan rupa pendidikan Islam yang sederhana itu dalam zaman Nabi dan dalam zaman Khalifah-khalifah al-Rasyidin (khalifah-khalifah yang empat), dan juga dalam zaman yang cemerlang dalam masa pemerintahan setengah daripada khalifah-khalifah Bani Umayyah, seperti zaman khalifah Umar bin Abdul Aziz, khalifah yang adil (yang terkenal dengan gelaran khalifah yang kelima dari Khalifah al-Rasyidin).

Tetapi dunia dan kemewahannya telah merempuh umat Islam amnya, dan umat Arab khususnya. Negeri-negeri baharu banyak dibuka oleh orang-orang Islam, harta-harta rampasan perang makin bertambah besar jumlahnya. Kehidupan yang mewah menjadi-jadi dan banyaklah yang telah menjadi kaya raya. Kejadian ini bertambah nyata dalam zaman kerajaan Abbasiyyah.

Orang-orang yang menaruh cemburu terhadap iktikad dan kehidupan rohani berasa takut melihat bahaya kemewahan itu makin bertambah besar, kerana kemewahanlah yang menjadi alat yang meruntuhkan binaan masyarakat, dan merobohkan umat. Oleh yang demikian itulah Allah ‘Azza wa Jalla berfirman di dalam al-Qur’an al-Karim:

“*Wa idhā aradnā an nuhlīka qaryatan amarnā mutrafīha fafasaqū fīha fahaqqa ‘alayha alqawlu fadamarnāha tadmīra*”⁷

Ertinya: “Dan apabila kami menghendaki membinasakan sesebuah negeri lebih dahulu kami perbanyakkan di sana orang-orang yang berurus (menurut hawa nafsunya) lalu mereka fasik, sebab itu patutlah mereka ditimpa seksa lalu kami hancurkan negeri mereka sehancur-hancurnya.”

Kesan dari yang demikian, menjadikan orang-orang yang berghairah Islam bangun menentang kemewahan dan kesenangan hidup yang melampau-lampau itu. Mereka pun membentuk cara-cara hidup menurut peraturan ahli tasawuf yang zuhud (yang tidak mengutamakan kemewahan hidup).

Sebagaimana orang-orang yang terdahulu melampau-lampau mementingkan kemewahan hidup maka golongan ini (golongan yang bangun menentang cara hidup mewah) telah melampau-lampau pula dalam langkah mereka membiarkannya dan mempersesiakannya.

Pada hal Allah ‘Azza wa Jalla telah menggoresi jalan dan menentukan tanda-tandanya, firman-Nya:

“*Innā ja ‘alnā mā ‘alā al-arḍi zīnatan laha linabluwahum ayyuhum ahsanu ‘amala.*”⁸

“Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di bumi sebagai perhiasan baginya untuk menguji mereka, iaitu siapakah di antara mereka yang baik amal usahanya.”

Dan firman-Nya lagi:

“*Ya banī Ādama, khudhū zīnatakum ‘inda kulli masjidin wakulū washrabū wala tusrifū, innahu lā yuhibbu al-musrifīn.*

Qul man ḥarrama zīnata Allāhi al-latī akhraja li ‘ibādīhi wa aṭṭayyibati mina al-rizqi, qul hiya lilladhīna āmanū fī al-ḥayātī al-dunyā khālisatan yawma al-qiyāmati, kadhālika nufaṣṣilu al-āyati liqawmin ya ‘lamūn.

Qul inna mā anāma rabbī ya ‘aḥwāshimāzāhara minha wā ma baṭāna, wa al-ithma, wa al-baḡhya bi ḡhayri al-ḥaqqi, wa an tushriku bi Allāhi mā lam yunazzil bihi ṣultānān, wa an taqūlū ‘ala Allāhi mā la ta ‘lamūn”⁹

⁵ Surah al-Ankabut: 69

⁶ Surah Muhammad: 12

⁷ Surah al-Isra: 16

⁸ Surah al-Kahfi: 7

⁹ Surah al-‘Araf: 31-33

Ertinya: “Wahai anak-anak Adam, ambillah perhiasan kami (pakailah pakaian kamu) pada tiap-tiap masjid (pada tiap-tiap kali kamu mengerjakan sembahyang dan lain-lain ibadat), dan makanlah dan minumlah, tetapi janganlah kamu membazir, sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang membazir.”

“Katakanlah: Siapakah yang mengharamkan perhiasan Allah yang ia sediakan untuk hamba-hambanya, dan benda-benda yang baik-baik dari rezeki yang dikurniakan-Nya?” Katakanlah:”Adalah ia untuk orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia, iaitu tertentu (bagi mereka) pada hari kiamat. Demikianlah kami huraikan perintah-perintah bagi kaum yang hendak mengetahui.”

Katakanlah “Sesungguhnya Tuhanku mengharamkan kejahatan yang zahirnya dan yang batinnya, dan dosa, dan perbuatan aniaya dengan tidak benar, dan (Ia haramkan) kamu mempersekutukan dengan Allah sesuatu yang tidak Ia turunkan keterangannya, dan (ia haramkan) kamu berkata atas nama Allah, sesuatu yang kamu tidak mengetahui.”

Kata pemutus di sini ialah hendaklah kita mengingati bahawa manusia itu terdiri daripada badan dan roh. Sedang badan ada tuntutan-tuntutannya, dan roh itu pula ada kehidupannya dan hak-haknya. Apabila rosak badan kerana dipercuainya haknya, atau kerana dibiarkan tenggelam dalam kelazatan nafsu syahwat, akan runtuhlah dua rukun yang menjadi asas, yang di atasnya terdiri kehidupan manusia. Sebaliknya apabila rosak roh atau jiwa kerana dicuainya oleh manusia sehingga melemahkan dan menghinakannya, akan

menjadilah ia haiwan atau seperti haiwan. Kalau orang itu mengambil berat terhadap rohnya semata-mata dan membiarkan badannya, akan menjadilah ia manusia bayang-bayang yang lemah, yang hanya boleh menerima dari alam kehidupan ini, (tetapi tidak dapat memberi) dan membentuk untuk dirinya satu jalan yang terpelencong dari pertunjuk Allah.

Kerana Allah *‘Azza wa Jalla* berkehendak daripada kita supaya kita mengambil berat akan badan dan roh, dan supaya bekerja untuk dunia dan akhirat. Dan juga supaya menyatukan di antara kemewahan-kemewahan yang baik dengan ibadat yang sejahtera.

Dalam kata-kata hikmah Islam ada disebutkan:

“I’ malu li duniyāka ka’annaka ta’ tshu abadan, wa i’ mal li ākhiratika ka’annaka tamūtu ghadan.”

Ertinya: “Bekerjalah untuk duniamu seolah-olah engkau hidup selama-lamanya, dan bekerjalah untuk hari akhirat seolah-olah engkau mati esok.”

Masa berjalan, dan akhirnya kita dicerobohi oleh penjajah, lalu melatam negeri kita dengan kakinya yang kotor. Ia telah berusaha bersungguh-sungguh dengan berbagai-bagai cara dalam zaman penjajahannya untuk memisahkan pendidikan rohani dari pendidikan akal dan kebendaan. Penjajah pun membentuk dasar pelajaran sehingga menjadikan sekolah-sekolah dan kolej-kolej- pada zamannya yang gelap-gelita - hanya dapat mengeluarkan pegawai-pegawai kerajaan yang mereka seolah-olah merupakan setengah terpelajar atau setengah jahil. Mereka barangkali pandai tentang mengira dan

membaca, tetapi roh atau jiwa mereka tidak mengambil bekalannya yang menjadikan dia hidup kuat, menolak penghinaan, bersungguh-sungguh dalam mencapai kemuliaan, dan menggemari usaha-usaha besar yang berkebijakan.

Penjajah - pada masa itu - dengan dasarnya ini, dasar memisahkan di antara pendidikan rohani dengan pendidikan sekolah, telah dapat menghancurkan kekuatan semangat pada diri orang-orang perseorangan dan orang ramai. Tak payah kita bentangkan kekejaman penjajah di negeri kita, kerana terlalu lanjut dan telah sedia diketahui. Tetapi memadai disebut untuk menghidupkan ingatan kita, bahawa penjajah yang kejam itu apabila mendapati roh atau jiwa beragama itu kuat, ia akan segera bertindak memalsukan pengertian agama pada fahaman orang ramai, dan akan memperalatkan ahli-ahli agama dengan berbagai-bagai cara.

Angkara Inggeris di India

Misalnya penjajah Inggeris, mereka telah menjajah India dengan meriam dan peluru, tetapi penjajah telah mendapati di sana berjuta-juta umat yang berjiwa Islam, yang gagah dan berani, dan kuat rohani dan semangat mereka, yang menjadikan mereka suka mati mulia daripada hidup hina, dan mengutamakan mati syahid untuk mempertahankan kebebasan iktikad dan agama suci mereka.

Umat Islam India yang berjuta-juta itu telah berjuang dengan gagahnya menentang Inggeris dan telah melancarkan perang jihad yang telah difardukan oleh agama mereka dan menjanjikan padanya dua

perkara yang baik, pertama menang dan hidup mulia, atau gugur syahid dengan mencapai kenikmatan dan kesenangan di akhirat kelak.


Apa yang akan dilakukan oleh penjajah Inggeris untuk menghadapi pertentangan umat Islam India itu, yang timbulnya daripada iman yang menegaskan bahawa kehinaan itu ialah bermakna kufur kepada Allah ‘Azza wa Jalla, dan juga timbulnya daripada iktikad mereka yang menetapkan bahawa perbuatan tunduk kepada penjajah ialah dosa yang amat besar.

Qadiani Boneka Penjajah

Untuk menghadapi kekuatan Islam yang tersebut, penjajah Inggeris telah membentuk seorang nabi palsu, besar, bertempat di sebuah pekan bernama “Qadian” di daerah Punjab.

Si dajal pendusta yang mengaku nabi itu ialah “Ghulam Ahmad Qadiani” yang diperdayakan oleh Inggeris supaya memutarakan pengajaran Islam untuk orang-orang Islam di India sehingga dapat memesongkan pendidikan agama mereka.

Si dajal ciptaan penjajah Inggeris itu pun tampil menunaikan suruhan tuannya, lalu menghebahkan kepada orang ramai bahawa “perang jihad” itu bukan dari pengajaran Islam, dan bahawa masanya telah habis. Sambil dia menyeru orang ramai supaya mereka taat kepada Inggeris, kerana penjajah Inggeris ialah “Ulil Amri” sedang “Ulil Amri” itu wajib ditaati.



Bangunan Universiti Saudi di ibu kota (Riyadh)

Sungguh jahat faham yang dihebahkannya itu.

Demikianlah, penjajah Inggeris telah bersungguh-sungguh menjalankan dasar untuk menjayakan salah satu dari dua perkara untuk meruntuhkan kekuatan rohani yang membawanya meningkat tinggi, atau pun memesongkan pengajaran agama mereka dan dasar-dasar rohaninya supaya mereka berkekalan menjadi alat permainan di tangannya untuk digerakkan menurut sesuka hatinya.

Tetapi umat yang beriman itu setelah berjuang terus menerus dan berjaya merebut kemerdekaannya, telah mulai mengenal akan hak pendidikan rohani yang sebenarnya, dan telah menjadikan pendidikan akhlak pada tempat yang selayaknya, lalu menanamkan perasaan beragama di dalam jiwa murid melalui pelajaran sekolah, ibadat, contoh tauladan, dan latihan. Bawah pendidikan rohani ini tidak akan zahir dan tidak akan masuk dan lebih dalam masa yang pendek kerana

kita lebih dahulu berkehendak kepada membersihkan diri dari kekotoran zaman penjajahan dahulu, sedang kekotoran itu sangat berat dan mendalam. Dari segi yang lain pula, kita sekarang sedang berada dalam peringkat percubaan. Harus akan kelihatan kepada kita kekurangan dalam kalangan guru-guru yang mengajar, atau kekurangan dalam kalangan murid-murid, atau pun kekurangan dalam dasar pelajaran. Semuanya ini dapat diperbaiki dari sehari ke sehari dan dengan percubaan-percubaan yang dijalankan lepas satu, satu.

Walau bagaimanapun perubahan yang baik yang diharap-harapkan itu untuk anak-anak umat kita dalam tingkatan rohani, akhlak dan agama, masih terbentang di hadapan kita. Kewajipan kita ialah mengarahkan orang ramai untuk mencapainya dengan beransur-ansur.

Allah jua sebaik-baik penolong.